

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]
TARIKH : 13 MAC 2014
SOALAN :

YB Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dengan jelas bagi menepis tanggapan salah masyarakat mendapatkan perkhidmatan hospital Kerajaan lebih rumit dan menyukarkan dengan hanya menunggu temujanji demi temujanji sehingga pesakit menemui kematian dibandingkan hospital swasta cepat buat keputusan serta memerlukan bayaran yang tinggi sedangkan sebenarnya hospital Kerajaan mempunyai segala kemudahan umpamanya doktor pakar, ubatan canggih serta peralatan teknologi yang jauh lebih moden.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum dengan situasi waktu menunggu yang dialami oleh pelanggan. Namun begitu, dengan beban kerja yang tinggi di Jabatan Kecemasan, Jabatan Pesakit Luar dan Klinik Pakar, waktu menunggu yang panjang terutama di waktu puncak tidak dapat dielakkan.

Setiap tahun, bilangan pesakit yang hadir ke Klinik Pakar dan Jabatan Kecemasan meningkat, di mana pada tahun 2012, jumlah kedatangan pesakit di Klinik Pakar adalah sebanyak 7,183,880 lawatan berbanding 6,807,243 lawatan pada tahun 2011. Manakala, jumlah kedatangan pesakit di Jabatan Kecemasan pula pada tahun 2012 adalah sebanyak 7,410,066 berbanding 7,143,433 lawatan pada tahun 2011.

Rawatan di Klinik Pakar adalah berasaskan sistem temujanji, di mana setiap pesakit perlu dirujuk dahulu ke klinik tersebut dari mana-mana fasiliti kesihatan sama ada Kerajaan ataupun swasta. Lazimnya, temujanji pertama akan diberi dalam tempoh 2 minggu hingga 12 minggu berdasarkan keadaan klinikal kes. Pegawai perubatan akan membuat penilaian awal ke atas kes-kes *walk-in* sebelum temujanji diberi melainkan kes-kes kecemasan akan terus diberi rawatan sewajarnya. Kerumitan mendapatkan temujanji di klinik pakar adalah satu tanggapan yang salah.

Antara langkah yang telah diambil oleh KKM untuk mengurangkan tempoh menunggu di hospital adalah :-

- i. Memperkenalkan sistem temujanji secara berperingkat (*staggered*) bagi kes-kes kronik dan pesakit perlu hadir di klinik 30 minit sebelum temujanji;
- ii. Bagi kes-kes ulangan, rekod perubatan pesakit disediakan terlebih dahulu sebelum tarikh temujanji;
- iii. “*Redeployment of doctors*” ke klinik-klinik pada waktu puncak;

- iv. Memberi temujanji berasingan untuk ujian darah iaitu 1-2 minggu sebelum tarikh temujanji berjumpa pegawai perubatan; dan
- v. Memanjangkan waktu operasi klinik selepas waktu pejabat, di mana klinik ini akan beroperasi hingga jam 9 malam atau 12 malam untuk pesakit luar.